



## PERBADANAN ISLAM JOHOR

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan di Perbadanan Islam Johor bagi jawatan berikut:-

1. **NAMA JAWATAN** : **PENOLONG AKAUNTAN GRED W29**
- Taraf Jawatan : TETAP
- Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
- Gred Jawatan/Gaji : W29
- Jadual Gaji : RM 1,498.00 – RM5,678.00
- Lain-lain Imbuhan : Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM 160.00  
: Imbuhan Tetap Perumahan : RM 300.00  
: Elaun Sara Hidup : RM 300.00

#### **SYARAT LANTIKAN :-**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a. Warganegara Malaysia
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan memiliki;
- c. (i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM 1,510.92 ); **atau**
- (ii) *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92); **atau**
- (iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,776.08) **atau**
- (iv) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM2,001.68)

## **SYARAT TAMBAHAN :-**

### **a. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **b. PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred W29 boleh ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan kepada prestasi perkhidmatan.

### **c. TEMOH PERCUBAAN**

Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

### **d. LATIHAN**

Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkaitan.

### **e. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

### **f. PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) Memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

### **g. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan kepada prestasi perkhidmatan.

## **3. SYARAT-SYARAT SKIM**

Pegawai yang memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari masa ke semasa.

## **4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 MEI 2018**

## 5. CARA MEMBUAT PERMOHONAN :-

Permohonan hendaklah menggunakan **Borang PJPIJ** yang asal yang boleh didapati dengan mengemukakan sampul surat berukuran 10cm x 23cm yang beralamat sendiri dan berselem RM1.00 atau mengambil sendiri di Perbadanan Islam Johor atau layari laman web. **www.pij.gov.my**. Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang bekhidmat mestilah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab A Bil. 21 dan pastikan Laporan Penilaian Prestasi dan Penyata Perkhidmatan yang kemaskini disertakan bersama-sama. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran passport dan **salinan diakui sah**. Dokumen-dokumen seperti berikut :

- i) Sijil Kelahiran
- ii) Kad Pengenalan
- iii) Sijil Persekolahan/Diploma/Ijazah/Berhenti Sekolah
- iv) Lain-lain Surat Akuan

Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat :-

**Perbadanan Islam Johor  
T3-1, Bangunan PIJ  
26C, Jalan Rebana, Kebun Teh  
80250 Johor Bahru**

Sebelum atau pada : 15 MEI 2018

### **CATATAN AM :**

- a) Sila nyatakan Jawatan yang dipohon di sebelah kiri bahagian atas sampul surat pemohon.
- b) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- c) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- d) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.